

1001 MASALAH

ABU AL-MUKHTAR SEDIA MENJAWAB

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

H. M. A. Ahmad,
Pasir Emas, Kelantan bertanya:
Telah pernah terjadi dalam masa pilihan raya tahun 1964 dahulu di Kelantan orang-orang penyokong PAS mengatakan orang-orang penyokong UMNO itu kafir. Ia tidak dikhiṭābkan kepada seseorang bahkan dengan umum. Kesan-kesan yang terjadi daripadanya timbul di dalam mana apabila orang-orang UMNO menjadi imam sembahyang maka orang-orang PAS tidak mahu mengikut bersembahyang bersama-sama dengannya (menjadi maknum). Pernah juga dikatakan bahawa apabila orang sembahyang berimam dengan orang-orang UMNO pada masa-masa yang telah lalu maka mestilah ia mengqadā' kan sembahyang kita itu. Bagaimanakah pendapat tuan dalam hal ini?

Jawab:

Jika benar yang demikian ini adalah mendukacitakan. Cara-cara ini membawa perpecahan. Di lingkungan umat Islam sendiri yang diikat oleh Rasulullah (s.a.w) dengan suatu ikatan persaudaraan di dalam Islam yang kuat adalah sangat ditegah daripada memecahkan persaudaraan itu. Kafir mengkafirkannya sudah terang membawa perpecahan.

Di dalam risalah "Pendidikan dan Keluarga", terjemahan daripada buah pena Almarhum *Al-Shahīd* Hassan Al-Banna, dalam soal ini mengatakan, "Jangan sekali-kali mengkafirkannya seseorang Muslim yang telah berikrar mengucap dua kalimah syahadah dan mengerjakan amalan-amalan yang wajib sama ada dengan cara-cara riak mahu pun dengan cara maksiat melainkan apabila ia berikrar mengaku seorang kafir atau ia mengingkari segala satu hukum yang didatangkan oleh agama atau pun ia mendustakan akan ayat-ayat al-Qur'an atau al-Qur'an itu ditafsirkannya bersalahan dari tujuan perbuatan yang membawa kepada syirik atau kafir."

Dengan jelas bahawa tidak boleh mengkafirkannya seseorang dengan seseorang bahkan yang mustahak dijaga ialah menjauhkan perpecahan dan mengeratkan persaudaraan. Persaudaraan yang dimaksud ialah suatu ikatan hati dan ikatan jiwa yang tersemat di dalam dada setiap orang Islam dengan ikatan akidah. Ikatan akidah adalah yang paling teguh daripada ikatan-ikatan yang lain. Persaudaraan yang paling rapat ialah

persaudaraan iman dan berpecah-belah itu adalah saudara kepada kekufuran. Kekuatan yang pertama ialah kekuatan perpaduan, dan perpaduan itu tidak akan teguh kalau tidak ada perasaan saling cinta-mencintai. Serendah-rendah darjat perasaan ingin memberikan pengorbanan terhadap kepada saudara-saudaranya. Pengorbanan yang sebesar-besarnya ialah pengorbanan suka berlebih kurang dan suka memaafkan kepada saudara seagama.

Oleh yang demikian, jika orang itu beriman dan tetap akidahnya maka tidak ada sebab seseorang menjauhkan diri daripada jemaah kerana menjauhkan diri daripada jemaah itu bermakna membawa kepada perpecahan yang sekali-kali tidak diingini oleh umat Islam.

Kita wajib insaf dan ingat, pengajaran-pengajaran telah kita lihat runtuhnya perpaduan Islam di dalam berabad-abad ini tidak lain sebabnya daripada kita berpecah-pecah dan kita dipecah-pecahkan orang. Kalau umat Islam tidak berpecah dan tidak dipecah-pecahkan, tidak sesuatu pun yang dapat melemahkannya. Lihat sahaja di dalam zaman perpecahan di antara mazhab dengan mazhab – ratus ribu manusia yang terkorban, India dan negara-negara Arab diperintah oleh kerajaan Barat dan perpecahan itu diapi-apikan oleh orang-orang Barat di belakangnya supaya pengikut-pengikut yang membuat tuli bunuh-membunuh di antara satu sama lain.

Lihat di Indonesia perpecahan Kaum Muda, Kaum Tua yang penduduknya hampir-hampir 80 peratus umat Islam tidak dapat ditegakkan pemerintahan Islam yang sebenar di situ. Kemudian lihat pula di tanah air kita ini bagaimana keadaan agama dan keadaan masyarakatnya apa erti agama dan bagaimana dijalankan – dapat kita lihat bersama dan kita renungkan dan setelah kita renungkan itu adakah patut kita kafir-mengkafirkhan di antara satu sama lain yang sama-sama mengucap *Lā ilaha illā Allāh Muḥammad Rasūl Allāh*, sama-sama bertakbir *Allāhu Akbar* dan menyempurnakan syarat-syarat sembahyang bersama-sama mesti berpecah-belah? Fikirlah.

Persatuan umat Islam mesti dilagang¹ dan dibina. Dirikanlah persatuan itu dan di dalam mendirikan persatuan itu berakhhlaklah dengan akhlak yang ditunjukkan oleh Junjungan *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*. Kalau tidak kita semua akan ditanya tangungjawab itu. Jauhkanlah segala perselisihan dan jika ada perselisihan gunakanlah perdamaian dengan kebijaksanaan dan hikmah supaya jangan pecah. Janganlah kita menjadi alat-alat politik yang memecahkan perpaduan umat Islam. Politik hanya tinggal kesannya di dunia tetapi tangungjawab kita akan berkekalan persoalannya sehingga di hadapan Tuhan nanti.

Bagaimana tanggungjawab kita di dalam persoalan ini adalah molek bagi yang bertanya dan bagi umat Islam seluruhnya membaca risalah “Pendidikan dan Keluarga” buah pena *Al-Shahīd* Hassan Al-Banna yang diterbitkan oleh Qalam kerana di dalamnya ada mengandungi banyak perkara yang berthabit dengan persaudaraan yang dibina dengan akidah dan iman.

* * *

Tabung mata orang yang sudah mati

Raudah Khatib – Sungai Rapat Ipoh – Perak, dan Haji Muhammad Daim bin Raji, Kampung Melayu, Singapura bertanya:

Sekarang telah heboh dipersoalkan masalah tabung mata orang yang sudah mati untuk digunakan mencelikkan mata orang yang buta yang masih hidup. Saya ingin tahu bagaimana caranya dan bagaimana hukumnya mengikut hukum Islam.

Jawab:

Persoalan menggunakan mata orang yang sudah mati bagi mencelikkan mata orang yang sudah hidup, telah pernah disiarkan di dalam majalah Qalam bilangan 14 bertarikh bulan Dhu al-Qa’idah 1370 (bersamaan bulan September 1951) ertinya hampir-hampir 16 tahun yang lalu.

Di sana disalin berita dan gambar-gambar mengenai pembedahan mata di Mesir yang disiarkan oleh Majalah “*Al-Muṣawar*” yang dilakukan

oleh Dr. Abdul Latif Johar seorang pakar dalam penyakit mata.

Menurut berita itu mata orang yang boleh dipakai ialah mata orang yang mati tidak lewat dari 36 jam dan disimpan tidak lewat dari 40 jam di dalam peti sejuk. (Ini pendapat sains pada 16 tahun dahulu tetapi sekarang kita tidak dapat tahu berapa lama mata orang yang sudah mati itu boleh disimpan).

Mata itu dikeluarkan (dikorek) dari orang yang sudah mati dengan cermat bersama-sama dengan rumpun matanya sekali dan terus disimpan di peti sejuk.

Menurut yang disiarkan itu, yang digunakan dari mata orang yang mati itu hanyalah “selaput hitam mata” di tengah-tengah mata sahaja. Selaput hitam mata orang yang buta itu dikeluarkan dengan cermat kemudian diganti dengan selaput hitam mata orang yang sudah mati. Inilah sahaja yang digunakan – selainnya tidak.

Hukumnya:

Di dalam Majalah *Al-Azhar* keluaran bulan Sha‘abān tahun 1368 ertinya 19 tahun yang lalu seorang penanya dari Tunis telah bertanya kepada *Lajnah Al-Fatwā Al-Azhar Al-Sharīf* yang diketuai oleh Almarhum *Faḍīlah Al-Shaykh ‘Abdul Majīd Salīm*. Yang bertanya itu bernama Shaykh Mustafa Bushawshah dan pertanyaannya demikian:

¹ Membawa maksud dianyam, ditaja (Dewan Bahasa dan Pustaka).

Apa hukumnya mengambil manfaat satu bahagian daripada mata seorang yang telah mati untuk mencelikkan mata seorang buta yang masih hidup?

Soal ini dikemukakan bersebab:

“Saya bercita-cita dalam masa yang tidak berapa lama lagi akan pulang ke tanah air saya Tunis. Saya telah diminta oleh sahabat-sahabat saya orang-orang Islam di sana mengemukakan masalah yang tersebut di atas kepada ahli fikir (ulama Islam – P). Oleh yang demikian saya harap di pihak tuan dapat memberikan fatwanya bagi faedah kami, dengan harapan supaya jawapan tersebut diberikan dengan seberapa segera, agar dapat saya bawa pulang dan mengemukakannya kepada sahabat-sahabat saya di sana. Terhadap tuan dan kepada sekalian anggota *Lajnah al-Fatwā* saya ucapan salam hormat.”

Jawapan yang diberi oleh *Lajnah al-Fatwā al-Azhar* itu demikian:

“Kebanyakan daripada ulama Al-Shafi‘īyyah pada masa yang akhir-akhir ini telah mengharuskan mengganti tulang orang yang hidup (yang patah atau hancur – P) dengan tulang orang yang mati apabila tidak boleh dibaiki dengan tulang yang lain melainkan dengan dia. (Periksalah: *Tuhfah* Ibn Hajar *wa taqrīr* Al-Shaykh Al-Sharbīnī ‘alā Ibn Qāsim ‘alā Al-Bahjah).”

“Dengan alasan ini maka *Lajnah al-Fatwā* berpendapat harus memindahkan sebahagian daripada mata orang yang telah mati untuk mengubati mata orang yang hidup.

(Disalin daripada fatwa “*Lajnah al-Fatwā*” al-Azhar oleh Yang Dipertuan Al-Shaykh ‘Abdul Majīd Salīm yang telah disiarkan oleh “Majalah Al-Azhar” keluaran bulan Sha‘abān 1368 H – jilid kedua puluh muka surat 744).

Dengan inilah sahaja, buat sementara kita dapat memberikan

jawapan. Soal yang serupa ini adalah berhajat kepada penyelidikan yang halus dan saksama terutamanya di dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan masalah tubuh seseorang mati (mayat) dan masalah-masalah yang bakal timbul kemudiannya. Ini adalah memerlukan adanya *Lajnah al-Fatwā* dari Majlis Raja-raja Melayu membuat penyelidikan secara ilmiah dan hukum supaya orang ramai tidak terbawa-bawa kepada pendapat dan fikiran semata.

* * *



Pertolongan cemas sedang diberikan kepada rakyat Syria yang menjadi mangsa bom api (*Napalm* bom) yang telah digugurkan oleh kapal terbang-kapal terbang Israel ke atas kampung-kampung orang awam di Syria. (Gambar dipetik daripada *Al-Nadwah*).